



SIARAN MEDIA (UNTUK EDARAN SEGERA)

SATU JUTA EKOR BENIH UDANG GALAH DILEPASKAN KE PERAIRAN SUNGAI TIMUN CIPTA REKOD MALAYSIA

REMBAU, 8 OGOS : Jabatan Perikanan Negeri Sembilan telah mencipta satu rekod Malaysia apabila berjaya melepaskan sebanyak satu juta benih udang galah ke perairan Sungai Timun sekali gus mencatatkan sejarah baharu dalam usaha pemuliharaan sumber perikanan negara dan juga di Negeri Sembilan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Utama Mohammad Hasan berkata, Kerajaan Negeri berasa amat bangga kerana Negeri Sembilan telah dipilih oleh Jabatan Perikanan Malaysia untuk mencipta rekod Malaysia bagi melepaskan sebanyak satu juta benih udang galah ke perairan Sungai Timun. Ini menunjukkan bahawa agensi Kerajaan Persekutuan amat prihatin dengan kebajikan nelayan darat yang terdapat di perairan yang kaya dengan sumber udang galah ini.

Mohamad Hassan menjelaskan, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan **peruntukan sebanyak RM 50 ribu** bagi program pelepasan benih ikan sungai asli pelbagai spesies ke perairan seluruh Negeri Sembilan. Saya telah mengarahkan **Jabatan Perikanan Negeri Sembilan bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri di setiap kawasan merancang sebanyak 10 program pelepasan benih ikan** dan ia telahpun dilaksanakan di daerah Jelebu, Tampin, Jempol dan Kuala Pilah dengan jumlah benih yang

dilepaskan ialah sebanyak **150,000 ekor** melibatkan ikan lampam sungai, baung, kelah, kerai, patin dan terbul, ujar beliau lagi.

Mohammad Hasan berkata demikian kepada media selepas menyerahkan Sijil Rekod Malaysia “**Pelepasan Benih Udang Terbanyak**” di Pangkalan Nelayan Sungai Timun Kepada Jabatan Perikanan Malaysia di sini hari ini. Turut hadir sama Dato Hasim Rusdi, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani dan Datuk Ismail Abu Hassan, Ketua Pengarah Perikanan.

Program pelepasan benih ini telah dijayakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dengan mendapat kerjasama penuh daripada Syarikat Tg. Utara iaitu sebuah pusat penetasan benih udang galah swasta yang beroperasi di Pasir Panjang, Port Dickson.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Ismail Abu Hassan berkata, syarikat tersebut menyumbangkan satu juta benih udang galah tersebut yang bernilai RM 120 ribu sebagai suatu tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk bersama-sama meningkatkan sumber perikanan di perairan sungai.

Tambah Ismail, program pelepasan benih ikan dan udang ini merupakan program tahunan Jabatan Perikanan bagi memastikan kemakmuran dan kelestarian sumber perikanan negara dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Selain menambah stok udang galah dan ikan sungai asli yang semakin berkurangan akibat penangkapan ikan yang tidak terkawal dan pencemaran sungai, program ini dapat meningkatkan sosio ekonomi nelayan dan penduduk setempat serta mendidik masyarakat menghargai sungai.

Statistik pengeluaran udang galah melalui sistem ternakan akuakultur menunjukkan bahawa Negeri Sembilan telah menyumbang **sebanyak 32.12%** daripada pengeluaran udang galah Malaysia dan menjadi **negeri**

kedua terbesar selepas Negeri Perak. Sebanyak 3 buah hatcheri udang galah yang aktif di Negeri Sembilan dan bilangan penternak udang galah di Negeri Sembilan adalah sebanyak 35 orang, ujar ismail lagi.

Untuk rekod sepanjang tahun 2016, Sungai Timun berjaya menarik hampir 680 orang pemancing rekreasi dan purata sebulan seramai 50 orang. Jumlah ini akan terus meningkat jika kepelbagaian spesies terus dipelihara dan dipertingkatkan.

“Kita percaya pemilihan Sungai Timun sebagai cabang kepada Sg. Rembau yang mengalir ke Sg. Linggi adalah tepat kerana ia telah terkenal di kalangan pemancing dengan udang galah sepit birunya. Difahamkan juga, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan telah melepaskan 200,000 ekor benih udang galah di sini sejak tahun 2014. Selain itu, Sungai Timun merupakan salah satu lokasi yang berpotensi untuk agro pelancongan. Selain mempunyai kepelbagaian spesies ikan yang menjadi tarikan pemancing antaranya udang galah, lampam sungai, baung, patin dan siakap, kehadiran buaya dan kelip-kelip yang mendiami kawasan sungai ini juga menjadi faktor penarik yang unik”, jelas Ismail lagi.

#tamat#

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Perikanan Malaysia

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

No. Tel : 03 – 8870 4234

No. Faks : 03 – 8881 0343

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my